



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	12/1/2011

'PM mahu Ahli Parlimen BN bantu rakyat'

ALOR SETAR: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak memberi penekanan terhadap beberapa perkara berkaitan khidmat pemimpin kepada rakyat yang merangkumi keperluan dan pembangunan pada peringkat akar umbi pada pertemuannya dengan Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN), Jumaat lalu.

Ahli Parlimen Jerlun, Datuk Mukhriz Mahathir, berkata ia perkara paling asas diberi penekanan Perdana Menteri kepada Ahli Parlimen BN, selain isu dibincangkan pada pertemuan itu.

"Hal ini paling asas diberi penekanan kerana ia berkaitan rakyat, namun hal lain tidak dapat saya dedahkan kerana ia antara kami dengan beliau," katanya selepas menyampaikan sumbangan kepada lebih 600 pelajar cemerlang Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan sumbangan kembali ke sekolah seluruh Parlimen Jerlun di sini, semalam.

Sementara itu, Mukhriz berkata, beliau bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri yang menyifatkan janji Program 100 Hari pakatan pembangkang bersifat populis dan tidak berpaksi kepada realiti.

Katanya, janji itu kosong dan tidak bertanggungjawab kepada rakyat kerana keperluan utama bagi pemerintahan adalah memastikan masa depan negara terus terjamin.